

Pameran Seminar Bahasa Melayu 2016

Sekolah Rendah

Tajuk: **ICT dalam Pembelajaran**

Nama Sekolah: Sekolah Rendah Fengshan

Sinopsis: Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan yang lebih inovatif untuk memanfaatkan ICT yang berkembang pesat. ICT mampu menyediakan peluang untuk murid berkomunikasi dengan lebih berkesan. ICT juga berupaya membina kemahiran literasi dan secara tidak langsung menggalakkan pembelajaran secara sendiri (SDL) dan kolaboratif (CoL). Murid mampu melihat perkembangan kemahiran mereka dengan bantuan kemudahan ICT. Pembelajaran menggunakan ICT lebih interaktif dan mengizinkan murid menimba pengalaman dan informasi serta dapat membina naratif mereka sendiri.

Tajuk: **Yakin Diri Memupuk Peribadi**

Nama Sekolah: Sekolah Rendah Yishun

Sinopsis: Strategi 3M - Membaca, Memahami dan Menghayati melibatkan langkah-langkah CPSMRT (*Chorus Reading, Paired Reading, Story Mapping, Readers Theatre*) dalam meningkatkan kemahiran membaca dan bertutur dalam kalangan murid darjah rendah. Langkah susulan telah diadakan dan berfokus kepada perkembangan kemahiran bertutur murid darjah rendah dalam menyampaikan cerita dan lakonan berdasarkan beberapa aktiviti. Aktiviti-aktiviti bermula dengan Peta Cerita sehingga ke tahap lakonan Teater Bacaan. Program ini menjana kreativiti murid dalam penyampaian mereka. Keyakinan murid juga meningkat.





Tajuk: **Baca, Yuk!**
Nama Sekolah: Sekolah Rendah Chua Chu Kang

Sinopsis: Program Bacaan Luas bagi Darjah 1 hingga 6 dijalankan bagi memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Bacaan yang berstruktur mampu memperkaya penguasaan kosa kata murid. Kemahiran murid dalam aspek tatabahasa, pembinaan ayat, pemahaman dan pemikiran kritis dapat dipertingkatkan juga. Program ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bacaan Bersama dan Bacaan Bebas. Aktiviti Bacaan Bersama dijalankan dalam bilik darjah pada setiap minggu. Aktiviti Bacaan Bebas pula dilakukan oleh murid pada masa lapang mereka. Kesan positif dapat dilihat dalam tahap keyakinan murid.



Tajuk: **Inovasi, Teknologi dan Kolaborasi**
Nama Sekolah: Sekolah Perempuan Haig

Sinopsis: Program-program pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang dilakarkan berteraskan penggunaan ICT. Strategi-strategi inovatif menjadi tunjang bagi memastikan pelajar memperoleh pengajaran secara interaktif dan aktif dalam proses pembelajaran mereka. Penerokaan bagi mendapatkan maklumat dan pengalaman dapat dilakukan murid baik secara terbimbing mahupun sendiri. Interaksi antara murid juga dapat dilakukan secara maya. Program-program berikut dijadikan wahana pembelajaran murid seperti Program 10'M Aksara, Program Bacaan Menggunakan Bahan Sastera Melayu, Program Penilaian Holistik, Program Dwimingguan Bahasa Ibunda dan Program Sekolah Kembar Singapura-Brunei.





Tajuk: **Celik Sastera**
Nama Sekolah: Sekolah Rendah Park View

Sinopsis: Program ini merupakan program intradisiplin khas yang bertujuan untuk meningkatkan minat murid terhadap menghayati bahasa dan budaya Melayu serta memupuk budaya membaca di kalangan murid. Pendekatan dwirampung digunakan, menggabungkan aspek berbakti kepada masyarakat bagi pelestarian bahasa dan membudayakan kesusasteraan khususnya genre sastera rakyat dalam kalangan murid. Disamping memupuk kemahiran baharu, program bertujuan menerapkan nilai murni seperti nilai kesedaran sivik dan kemanusiaan, kasih sayang, hormat-menghormati serta tanggungjawab terhadap masyarakat dan hidupan lain. Perkongsian bahan-bahan yang telah diusahakan telah mengetengahkan murid sebagai Rakan Bahasa agar murid menjadi aktif membantu, mengenalkan dan memperkukuh matlamat ini.



Sekolah Menengah



Tajuk: **Mengembangkan Kebolehan, Meneroka Kemungkinan**
Nama Sekolah: Sekolah Menengah Coral

Sinopsis: Program yang mengetengahkan pembelajaran inovatif dengan menggunakan pelbagai bentuk teknologi baharu bagi meningkatkan hasil pembelajaran Bahasa Melayu. Pelbagai aplikasi dan peranti digunakan seperti Storyboard Comic Toondoo, QR Code, Padlet serta aplikasi Pintar Kata. Pengajaran lisan diberi pendekatan menarik dengan menggunakan K2WS2 (Ekspres), K2WP2 (NA) dan K2WPT (NT) dan terkini AMBoi serta PPS! Program kelompok sekolah seperti Pesta Yok Balik Kampung! @ Coral dijalankan dalam bentuk pertandingan bagi membolehkan pelajar menimba ilmu melalui pengalaman dan pembelajaran.





Tajuk: **Menjadikan Pemikiran Jelas**

Nama Sekolah: Sekolah Menengah Tanglin

Sinopsis: Rutin Berfikir merupakan struktur mudah untuk membantu pelajar menjalani proses pembelajaran yang lebih berkesan. Di dalam suasana bilik darjah yang menggalakkan pemikiran kritis. Para pelajar terlibat dalam aktiviti bahasa di mana artifak gambar dan video digunakan untuk merangsang pemikiran. Rutin Berfikir memandu para pelajar membangunkan budaya berfikir secara kritis dalam bilik darjah dan dalam pembelajaran mereka.



Tajuk: **Bahasa Melayu @ Biodiversiti CWSS**

Nama Sekolah: Sekolah Menengah Commonwealth

Sinopsis: Sekolah Menengah Commonwealth memulakan projek biodiversiti di kawasan kampus. Habitat semula jadi seperti Hutan Aliran dan Taman Hutan Hujan menggunakan sistem pengairan air hujan yang dikitar semula. Kawasan Taman Biodiversiti ini menjadi tumpuan bagi pembelajaran Bahasa Melayu. Pelajar bukan sahaja dapat menikmati suasana kehijauan yang nyaman dan indah malah dapat menghargai dan melindungi alam kehijauan menerusi pengalaman yang dijalankan di taman tersebut. Aktiviti bahasa seperti penulisan karangan deskriptif, puisi, mengenali rempah ratus dan pepohon dapat dijalankan untuk para pelajar pelbagai peringkat.





Tajuk: **Galeri Seni Tari**
Nama Sekolah: Sekolah Menengah Woodgrove

Sinopsis: Kegiatan pelajar di sekolah boleh dijadikan wadah untuk membolehkan pengaplikasian pengetahuan tentang budaya Melayu dan penggunaan bahasa Melayu dengan cara yang kreatif dan menarik. Projek ini melibatkan para pelajar yang terdiri daripada ahli Kelab Tarian Melayu yang diberikan peluang mengongsi pengetahuan dan kemahiran mereka tentang seni tari Melayu. Pelajar-pelajar ini mengendalikan galeri budaya yang menjalankan beberapa aktiviti seperti mengajarkan beberapa teknik gerak tari Melayu serta mengadakan pertandingan menari untuk peserta. Sekumpulan lagi pelajar membuat liputan kegiatan-kegiatan yang dijalankan dan kemudiannya menghasilkan video serta teks berita.



Tajuk: **Berfikir Secara Kritis Dan Pembelajaran Kendiri**
Nama Sekolah: Maktab Rendah Kebangsaan

Sinopsis: Rutin Berfikir yang diterapkan dalam diri pelajar menggalakkan pemikiran kritis. Pelajar membina kemahiran berfikir aras tinggi dalam setiap proses pembelajaran di dalam kelas dan secara sedar menggunakan proses-proses Rutin Berfikir bagi mencapai matlamat pembelajaran. Proses berfikir yang berstruktur ini membantu pelajar untuk berfikir secara sistematik bagi menghasilkan pemikiran yang bernas dan konstruktif. Rutin Berfikir diterapkan dalam pakej penulisan yang bertujuan melahirkan pelajar sendiri.

